



Kementerian Tenaga dan Sumber Asli

KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT MAJLIS TANAH NEGARA KE-77

8 SEPTEMBER 2020

1. YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Perdana Menteri Malaysia buat julung kalinya telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tanah Negara ke-77 pada hari ini. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh YB Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan yang berkaitan dan Menteri-Menteri Besar/Ketua Menteri.
2. Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) ini diadakan selaras dengan kehendak Perkara 91(5) Perlembagaan Persekutuan iaitu membentuk dari masa ke semasa, melalui konsultasi (rundingan) dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Majlis Kewangan Negara, suatu dasar negara untuk memajukan dan mengawal penggunaan tanah di seluruh Persekutuan bagi maksud perlombongan, pertanian, perhutanan atau apa-apa maksud lain dan untuk mentadbirkan apa-apa undang-undang mengenainya.
3. Pada Mesyuarat MTN kali ini, terdapat tujuh (7) kertas telah dibentangkan yang menyentuh mengenai beberapa dasar penting berkaitan dengan tanah, mineral dan perhutanan.

4. MTN telah bersetuju dengan **pelaksanaan pindaan Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]**. Pindaan tersebut bertujuan antara lain untuk memperketatkan proses pewartaan keluar dan penggantian Hutan Simpan Kekal (HSK), memantapkan penguatkuasaan hutan dan meningkatkan kadar denda dan hukuman berkaitan kesalahan merosakkan hutan dan alam sekitar. Walau bagaimanapun, konsultasi dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dan pihak-pihak yang berkepentingan akan diteruskan oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli sebelum cadangan pindaan ini dimuktamadkan.
5. MTN juga dimaklumkan berkenaan **litupan kawasan berhutan di Malaysia pada masa ini seluas 18.27 juta hektar atau 55.31% daripada keluasan tanah negara**. Justeru, Malaysia masih mengekalkan litupan kawasan berhutan melebihi 50% selaras dengan komitmen negara di Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro pada tahun 1992.
6. Amalan pengurusan hutan Malaysia adalah berpandukan kepada Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) dan Dasar Perhutanan Negeri. Di bawah program Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB), **Catuan Tebangan Tahunan (CTT)** akan ditetapkan dalam setiap Rancangan Malaysia Lima Tahun untuk mengawal pembukaan kawasan hutan untuk pengusahasilan. MTN pada kali ini telah bersetuju bahawa CTT bagi **Semenanjung ditetapkan seluas 188,550 hektar atau 37,710 hektar setahun, Sabah seluas 250,000 hektar atau 50,000 hektar setahun dan Sarawak seluas 725,000 hektar atau 145,000 hektar setahun**. CTT ditetapkan bagi mengimbangi jumlah pengeluaran dan penghasilan kayu dengan keupayaan dan keluasan kawasan hutan pengeluaran di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) atau Hutan Simpan Negeri. Bagi tempoh RMKe-11 (2016-2020), semua Kerajaan Negeri telah mematuhi CTT yang ditetapkan di mana pengurangan pengusahasilan sebanyak 16.8% berbanding dengan jumlah CTT yang ditetapkan.

7. Pada masa yang sama, MTN juga bersetuju dengan **cadangan pembangunan dan pelaksanaan Kerangka Kewangan REDD Plus (*REDD Plus Finance Framework (RFF)*) serta penubuhan entiti khas yang dinamakan Dana Hutan Malaysia (*Malaysia Forest Fund (MFF)*)**. Inisiatif kewangan REDD Plus dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi mendapatkan sumber dana daripada pihak swasta yang akan disalurkan kepada Kerajaan Negeri bagi **membiayai aktiviti** mengekal, memelihara, melindungi serta mengurus sumber hutan secara berkekalan.

8. MTN ke-77 telah bersetuju dengan **cadangan pewujudan semula Majlis Mineral Negara (MMN)** bagi menggerakkan usaha membangunkan sektor mineral. MMN akan menjadi platform utama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi membincangkan isu-isu dasar dan operasi berkaitan industri mineral dalam usaha mewujudkan perlombongan mampan selain memantau Pelaksanaan Pelan Transformasi Industri Mineral Negara 2020-2030 (TIM 2020-2030).

**KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI
8 SEPTEMBER 2020**